

Hudud: Tiada suasana kondusif selagi pusat tak kerjasama, kata Asri
The Malaysian Insider
22 September, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 22 Sept — Bekas mufti Perlis Prof Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin berkata, selagi Kelantan tidak mendapat kerjasama kerajaan pusat “sepenuhnya tidak mungkin akan wujud suasana kondusif” untuk melaksanakan hukum hudud di negeri itu.

PAS menerajui kerajaan negeri Kelantan sejak akhir 1990 dan berhasrat untuk melaksanakan hukum hudud tetapi tersekat disebabkan halangan kerajaan pusat yang menggunakan alasan perspektir perundangan.

Justeru kata Asri (gambar), di Kelantan suasana kondusif untuk hudud terikat bukan sahaja dengan persekitaran dalam negeri tetapi juga dengan pentadbiran pusat.

“Selagi Kelantan tidak mendapat kerjasama pusat sepenuhnya, tidak mungkin suasana kondusif itu dapat diwujudkan,” kata beliau, dalam satu tulisan mengulas lanjut kertas kerjanya, dikeluarkan hari ini.

Beliau membentangkan kertas kerjanya menyentuh isu itu pada Seminar Syariah Peringkat Kebangsaan di Kota Baru kelmarin.

Asri menambah, selepas itu banyak lagi perkaitan lain yang mesti dilaksanaikan sebelum dilaksanakan dan oleh itu, bukan menjadi kesalahan Kelantan jika beberapa hukuman hudud tidak dilaksanakan disebabkan keterbatasannya.

“Kelantan telah memainkan peranan mempromosi hukuman itu,” katanya.

Tambah beliau, walaupun masih terbatas disebabkan banyak kekangan, namun apa yang penting hukuman itu dibahaskan, dibincangkan dan dipromosikan. “Ijtihad-ijtihad baru juga perlu dilihat bagi mencapai maksud keadilan jika ia dilaksanakan,” katanya lagi.

Dalam satu kenyataan semalam, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata pihaknya tetap bertegas untuk meneruskan pelaksanaan hukum hudud di Kelantan walaupun negeri itu dikatakan berada dalam keadaan tidak kondusif bagi melaksanakan undang-undang berkenaan.

Beliau berkata, keadaan Kelantan sudah lama kondusif untuk pelaksanaan hukum hudud dan ini dibuktikan melalui tiga asas agama yang dilaksanakan dalam pentadbiran kerajaan negeri iaitu Ubudiah, Masuliah dan Itqan.

Nik Aziz menambah selain itu, setiap Jumaat diadakan kuliah agama yang turut membabitkannya, selain banyak pelaksanaan projek menjurus kepada keperluan rakyat, sekali gus menjadikan asas cukup kondusif bagi melaksanakan hukum hudud di negeri ini.

“Sebenarnya, kita sudah lama mewujudkan suasana kondusif ke arah pelaksanaan hukum hudud, selain mempunyai mekanisme untuk melaksanakannya iaitu mereka yang mempunyai ilmu mencukupi dalam bidang berkenaan iaitu kadi dan hakim, tanpa membabitkan orang politik,” katanya.

Nik Aziz berkata, Kelantan memulai kempen pelaksanaan huduh sejak 1993 dengan menggiatkan pelbagai bentuk penerangan kepada rakyat.

Katanya, Kelantan ditadbir PAS berpandukan ajaran Islam melahirkan rakyat berpengetahuan termasuk berkaitan hukum hudud.

Kelmarin, Asri juga berkata Kelantan tidak boleh melaksanakan hukum hudud kerana negeri itu tidak kondusif.

Ditanya jika pakatan pembangkang lain tidak bersetuju dengan pelaksanaan itu, Nik Aziz berkata, persoalan itu perlu ditanyakan kepada pihak berkenaan mengapa tidak bersetuju terhadap perkara itu.

Asri berkata pelaksanaan hukum hudud memerlukan ijtihad ataupun tafsiran baru dengan mengambil kira aspek perubahan zaman dan tempat.

Pada satu majlis di Tanjung Malim semalam, Dr Mahathir meminta Nik Aziz memperkenalkan hukum hudud di negeri itu sekarang memandangkan beliau tidak lagi menjadi perdana menteri yang dahulunya dianggap menghalang hasrat kerajaan negeri itu melaksanaannya.

Beliau meminta Nik Aziz mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Halangan kepada kerajaan negeri Kelantan PAS disaksikan ketika pentadbiran Dr Mahathir awal 1990-an.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hudud-tiada-suasana-kondusif-selagi-pusat-tak-kerjasama-kata-asri/>